

حَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"SEBAB itulah, seperti kita mengawal negara, hendaklah dikawal juga diri sendiri. Jangan ia dimasuki anasir atau dijangkiti oleh penyakit, seperti anasir dan penyakit dadah umpamanya.

Kerana semua itu amat berupaya untuk melemahkan dan malah membinasakan."

- Titah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-57 pada 17 Syawal 1439 Hijrah / 1 Julai 2018 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

قلوبهم

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahan-Nya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada Hari Kiamat kelak."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah, Ali-Imran : 180.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.46

SUBUH

4.56

SYURUK

6.17

DUHA

6.40

ZUHUR

12.27

ASAR

3.46

MAGHRIB

6.35

ISYAK

7.47

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 95

8 OGOS 2018 / 1439 ذوالقعدة 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Belia disandarkan harapan untuk memacu negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

MENGADAP ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim, abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan bagi pihak Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis serta para belia dan beliawanis, menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Kali Ke-13, 2018 pada pagi yang indah ini dan seterusnya, berkenan untuk mengurniakan titah, menyempurnakan penyampaian anugerah-anugerah sempena sambutan tahun ini serta berangkat bercemar duli ke Majlis Perhimpunan Ramah Mesra Belia.

Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik pada pagi ini adalah satu tanda penghormatan dan keprihatinan yang amat tinggi nilainya, sebagai suntikan semangat kepada para belia dan beliawanis untuk terus berkerja keras dalam menyumbangkan tenaga dan bakti kepada negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ampun beribu ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan bahawa 1 Ogos ini adalah tarikh istimewa bagi belia dan beliawanis di negara ini, terutamanya dalam memberikan pengiktirafan yang amat bermakna kepada mereka di peringkat nasional. Alhamdulillah, golongan belia telah terus mengorak langkah ke hadapan dengan pantas dalam pelbagai bidang termasuk keusahawanan dan kesukarelawan. Mereka berani tampil ke hadapan pada menyahut titah Kebawah Duli Tuan Patik untuk sentiasa berusaha demi membina keperibadian, pendidikan dan kebolehan yang sempurna dan pada masa yang sama memupuk kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bemegara. Inilah maksud belia berkualiti yang amat dihasratkan oleh negara. Inilah ciri-ciri yang perlu dipupuk dan disebarluaskan lagi.

Ampun beribu ampun,

Bersesuaian dengan usaha berterusan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menyembahkan bahawa tema Sambutan HBK Kali Ke-13 ini adalah 'Belia Pemacu Brunei Maju'. Tema ini adalah selaras dengan hasrat murni Kebawah Duli Tuan Patik bahawa sebarang langkah yang diambil tidaklah ke mana-mana melainkan ke arah tercapainya matlamat 'Brunei Maju'. 'Brunei Maju' setentunya tidak melihat dari segi pembangunan fizikal dan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13 pada hari Rabu 1 Ogos 2018 bersamaan 19 Zulkaedah 1439 Hijrah bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

perkembangan ekonomi semata-mata, tetapi juga maju dari segi cara berfikir dan mempunyai mentaliti kelas pertama, dan pada masa yang sama, dapat menjaga peradaban dan *spiritual* yang bersandarkan kepada falsafah Melayu Islam Beraja. Ke arah ini, belia memainkan peranan yang amat kritikal : kepada merekalah disandarkan harapan untuk memacu negara ke arah kemajuan.

Ampun beribu ampun,

Pada menyahut titah Kebawah Duli Tuan Patik bagi para belia untuk memberikan nafas baharu kepada segala usaha pembangunan dalam negara, sambutan pada kali ini menekankan pentingnya untuk memupuk ekosistem yang menggalakkan dan menyokong para usahawan belia secara berterusan. Oleh itu, beberapa pendekatan telah pun diambil demi menjadikan sambutan terus menerus mempunyai lebih nilai tambah. Majlis Perhimpunan Ramah Mesra Belia yang bertemakan 'Kejayaan' pada tahun ini menghimpunkan seramai lebih 34 usahawan belia yang telah mencapai kecemerlangan, yang bertapak dalam industri-industri baharu dan lama, dan juga usahawan-usahawan belia yang berpotensi untuk berjaya untuk mengongsi kejayaan dan pengalaman mereka.

Pada masa yang sama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bersama-sama

pihak berkepentingan telah bergading bahu untuk mengadakan pameran khusus mengenai pemupukan ekosistem ini dan juga, acara perkongsian ilmu melalui Pleno yang akan berlangsung selama tiga hari demi mengongsikan amalan-amalan terbaik secara efektif. Disembahkan bahawa demi memastikan impak daripada sambutan ini adalah berterusan, satu Tadbir Urus Strategi Keusahawanan Belia telah pun diwujudkan bagi memastikan segala strategi dan inisiatif yang diambil akan memberikan kesan yang berpanjangan bagi para belia untuk bertapak dalam alam keusahawanan. InsyaaAllah, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik yakin bahawa Sambutan HBK kali ini akan terus memberikan nilai tambah yang lebih bermakna kepada para belia dan akan menjadi wadah untuk mengukir kejayaan bagi mereka dalam jangka masa yang panjang.

Ampun beribu ampun,

Buat mengakhiri, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzim sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis pada pagi ini. Dan seterusnya Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan pada menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih di atas keberangkatan paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- i. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;
- ii. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik;
- iii. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqa Pengiran Muda Mohamed Bolkiah;
- iv. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah

Dan,

- ix. Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Terima kasih juga diucapkan di atas kehadiran: Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet; Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri; Dif Dif Kehormat, para hadirin dan hadirat yang hadir di majlis pada pagi ini.

Sebelum Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugerah berundur diri, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat serta takzim menjunjung ampun ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik jika terdapat kata-kata yang kurang manis atau perbuatan yang tersuruk langkah yang tidak disenghajakan di dalam sembah alu-aluan ini dan dalam pengendalian Sambutan HBK Kali Ke-13 pada hari ini.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugerah.